

Ahmad Fawzi pencetus idea awal PLKN

BELASUNGKAWA

Oleh SOPHA SULAIMAN UM 24/5/05
(WARTAWAN UTUSAN) (b:1)

PEMEREGIAN Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Brig. Jeneral Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd Basri semalam bukan sahaja diratapi oleh warga universiti itu tetapi juga peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) seluruh negara.

Ahmad Fawzi dengan UUM cukup sinonim, beliau memulakan kerjaya sejak UUM ditubuhkan pada 1984 di kampus sementara di Bandar Darulaman Jitra sebagai pensyarah dan mengakhiri kerjaya beliau sehingga akhir hayatnya di Sintok sebagai Naib Canselor yang kelima sejak tahun 2001.

Beliau juga antara ahli akademik dan beberapa tokoh lain yang terlibat dalam mencetuskan idea awal untuk mewujudkan PLKN bagi melahirkan generasi muda yang berdisiplin dan patriotik kepada negara.

Komitmen beliau dalam program itu akhirnya beliau diberi kepercayaan oleh kerajaan sebagai Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara yang pertama.

Mengenali Ahmad Fawzi lebih dekat, beliau bukan sekadar seorang ahli akademik dan pentadbir tetapi turut menjiwai semangat keperwiraan dan juga seorang sejarawan.

Sebelum melangkah masuk ke UUM sebagai pensyarah sejarah, Ahmad Fawzi adalah pegawai tadbir Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 1998 beliau dilantik sebagai



PROF. DATUK DR. AHMAD FAWZI MOHD BASRI BERAMAH MESRA DENGAN PELATIH-PELATIH PLKN SIRI KHAS SELEPAS MAJLIS PENYAMPALAN SISI TAMAT DI PADANG KAWAT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DI SINTOK PADA TAHUN 2004.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UUM sehingga 2001.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UUM, Mohd Zaini Nasri menyifatkan Allahyarham seorang yang rajin bekerja demi membangunkan sahsiah pelajar, seorang yang menekankan disiplin dan naib canselor yang "sering turun padang."

Ketegasan beliau di UUM ialah berjayanya membendung pelajar dan pengajar UUM daripada dipengaruhi anasir-anasir yang propembangkang kerana bagi beliau universiti adalah tempat menimba ilmu dan bukan tempat bermain politik atau kampus tempat membiak penentang kerajaan.

Kritikan terhadap pembangkang menyebabkan beliau tidak begitu disenangi oleh mereka yang propembangkang tetapi bagi kerajaan terutama pemimpin UUMNO, mereka mahukan "lebih ramai Ahmad Fawzi" di pusat pengajian tinggi negara ini.

Menyikap sejarah Ahmad Fawzi, beliau ingin menjadi pegawai tentera, tetapi cita-cita itu terkandas. Namun hasrat beliau untuk memberi khidmat kepada negara melalui bidang ketenteraan tercapai juga. Beliau adalah Komander 513 Rejimen Askar Wataniah (AW) dan Komandan Palapes UUM.

Daripada rekrut AW semasa bertu-

gas di UKM pada 1974, beliau dinaikkan pangkat sarjan dan kemudian ditauliahkan leftenan, kapten dan seterusnya dinaikkan pangkat Brigedier Jeneral. Ahmad Fawzi lahir pada 10 Mei 1949 di Kampung Belanja Kiri, Parit, Perak memiliki Sarjana Muda Sastera Universiti Malaya (UM), Sarjana Sastera di universiti yang sama dan Ph.D dalam bidang politik di Universiti of Hull, United Kingdom. Dalam politik beliau pernah memegang Jawatankuasa Pendidikan UMNO Malaysia pada 1997 dan Timbalan Pengerusi Kelab UMNO UK serta Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Parit, Kepong dan Wilayah Persekutuan.

Beliau kembali ke rahmatullah jam 4.47 petang semalam di Hospital Selangor kerana menghidap *septicaemic shock* dan pernah dimasukkan di Pusat Pakar Perubatan Kedah sejak 5 Januari lalu, Allahyarham meninggalkan isteri Aishah Ibrahim dan empat orang anak Dzulhimi, Dzuwairi, Noor Ezdiani dan Noor Elyana.

Pemergian beliau disifatkan sebagai kehilangan "sebutir permata" kerana idea dan pemikirannya selain sumbangannya kepada negara terutama dalam bidang pendidikan dan politik.

Sintok pekan perlombongan yang lenggang.

Di situlah terbinanya universiti bes-tari.

Tempat jatuh lagi kan kukukenang. Inikan pula lembah pengubah nasib diri.

Semoga Allah s.w.t. mencurahi rahmat ke atas rohnya. Amin.

umm/AA48/um/24.05.2005/p:10(1)